



Manuscript Title: Keciciran Pelajar India Sekolah Menengah di Selangor: Kesan Terhadap Diri Pelajar, Keluarga, Masyarakat dan Kerajaan Malaysia serta Cadangan Mengatasi Isu Keciciran Pelajar

Authors: Menegaa Paraman and Rosila Bee Mohd Hussain

Accepted Date: 17-May-2023

Please cite this article as: Menegaa Paraman and Rosila Bee Mohd Hussain. Keciciran pelajar India sekolah menengah di Selangor: Kesan terhadap diri pelajar, keluarga, masyarakat dan kerajaan Malaysia serta cadangan mengatasi isu keciciran pelajar. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

KECICIRAN PELAJAR INDIA SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR: KESAN TERHADAP DIRI PELAJAR, KELUARGA, MASYARAKAT DAN KERAJAAN MALAYSIA SERTA CADANGAN MENGATASI ISU KECICIRAN PELAJAR

SECONDARY SCHOOL INDIAN STUDENT DROPOUTS: EFFECTS ON STUDENT'S LIFE, FAMILY, SOCIETY AND MALAYSIAN GOVERNMENT AND SUGGESTIONS TO OVERCOME STUDENT DROPOUT ISSUES

Menegaa Paraman* and Rosila Bee Mohd Hussain

Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: menegaa.paraman.pm@gmail.com

ABSTRACT

The education field is an important platform to produce a knowledgeable society and a source of quality manpower in a country. However, this study found that the student dropout's problem especially from secondary schools in Malaysia can worsen the country's socioeconomic situation and this issue should be studied to examine the success of the country's education quality. Therefore, this study aims to identify the effects faced by students, student's families, society and government in the short and long term. This qualitative study was conducted by interviewing a total of 40 Indian dropout students from secondary schools who were selected as the study sample in Selangor State based on purposive sampling. The findings of this qualitative study are presented appropriately through three stages such as categorizing and organizing the data in the analysis table and 'quotes'; triangulation and data encoding techniques; and identify themes to give meaning to school dropout issues. The study's findings are presented in the narrative structure. Studies have found that dropout issues among students cause them engaged in low-income employment, social ills and criminal and juvenile cases that pose a threat to social well-being. Therefore, the study on the student dropout's effects is important to highlight. This study also

emphasizes potential measures as a strategy to prevent the school dropout's issue. It is to prevent at-risk student's existence in the school learning system.

Keywords: school dropouts, secondary schools, at - risk students, dropout effects, human resources.

ABSTRAK

Bidang pendidikan merupakan landasan penting untuk melahirkan golongan masyarakat berilmu dan sumber tenaga kerja berkualiti dalam sebuah negara. Namun, kajian ini mendapati masalah keciciran pelajar terutamanya dari sekolah-sekolah menengah di Malaysia boleh menggugatkan keadaan sosio-ekonomi negara dan isu ini harus dikaji untuk meneliti keberhasilan kualiti pendidikan negara. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti kesan-kesan dihadapi oleh diri pelajar, keluarga pelajar, masyarakat dan kerajaan dalam jangka masa pendek dan panjang. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menemu bual seramai 40 orang pelajar India tercincir dari sekolah menengah yang dipilih sebagai sampel kajian di negeri Selangor berdasarkan pensampelan secara 'purposive'. Dapatkan kajian ini disampaikan dengan wajar melalui tiga peringkat seperti mengkategorikan dan mengatur data dalam jadual analisis dan 'quotes'; teknik triangulasi dan pengekodan data; dan mengenal pasti tema untuk memberi makna mengenai isu keciciran pelajar sekolah. Dapatkan kajian dipersembahkan dalam penyusunan naratif. Kajian mendapati isu keciciran dalam kalangan pelajar menyebabkan remaja tersebut terlibat dalam pekerjaan berpendapatan rendah, gejala-gejala sosial dan kes-kes jenayah dan juvana yang menjadi ancaman kepada kesejahteraan sosial. Oleh itu, penelitian kesan-kesan keciciran pelajar adalah penting untuk dikenalpasti. Kajian ini juga menitikberatkan langkah-langkah berpotensi sebagai benteng pencegahan isu keciciran pelajar untuk mengelakkan kewujudan pelajar berisiko dalam sistem pembelajaran sekolah.

Kata kunci: keciciran pelajar, sekolah menengah, pelajar berisiko, kesan keciciran, sumber tenaga kerja.

PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sekolah harus memperlihatkan pulangan pendidikan berkesan terhadap kewujudan golongan remaja berilmu, berdisiplin dan berguna dalam kalangan masyarakat. Namun, dalam strategi melahirkan sumber modal insan berkualiti, negara Malaysia masih menghadapi

cabaran dalam pengurusan sistem pendidikan berkualiti dan berkesan apabila terwujudnya masalah keciciran pelajar sekolah (Subra, et al. 2019). Isu keciciran pelajar didapati menjelaskan peningkatan golongan celik pandai dalam sistem pendidikan sesebuah negara dan komuniti (Gubbels, et al. 2019). Wood, et al. (2017) menjelaskan, isu keciciran pelajar menyebabkan kepentingan pendidikan dan masa hadapan anak-anak muda terabai. *The Edge Malaysia* (2021, Disember 22) menggariskan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan, seramai 21,316 pelajar didapati tercicir dari sistem persekolahan antara Mac 2020 dan Julai 2021. Tambahan pula, statistik daripada *Malaysian Indian Blueprint* (MIB 2017) dan *Science and Wellness Organization* (SWO 2019) menekankan peningkatan membimbangkan dalam kekerapan kes keciciran pelajar India sebelum tamat persekolahan. *MySkills Foundation* (2016) melaporkan, prestasi rendah dalam pendidikan dan mudah tercicir dari sekolah sering kali mewakili isu lebih serius dalam kalangan remaja lelaki India.

MIB (2017) melaporkan, tinjauan pada tahun 2016 terhadap lebih 2,000 orang dari keluarga *Indian Bottom 40* (IB40) menunjukkan, didapati 45 peratus (%) anak mereka berisiko tinggi dan terdedah kepada kumpulan kongsi gelap dan gejala sosial yang menggugat ketenteraman awam dan kesejahteraan masyarakat sekeliling. Menurut Ghandi & Sivaperagasm (2019), berdasarkan data diperoleh dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) didapati 3:10 daripada pelajar India terlibat secara aktif dalam kegiatan gengsterism yang memberi laluan kepada peningkatan kes-kes jenayah dalam kalangan remaja India tercicir dari sekolah. Kajian membuktikan, kira-kira 70% anggota gengsterism di Malaysia adalah daripada kaum India iaitu '*an alarming figure*' sedangkan komuniti India hanya membentuk 7% sahaja daripada keseluruhan populasi penduduk Malaysia (SWO 2019). Justeru, kajian ini bermotif untuk meneliti kesan-kesan keciciran pelajar India yang berpotensi menjelaskan perkembangan diri pelajar, pembangunan sosio-ekonomi keluarga dan masyarakat mahupun pertumbuhan negara.

PERNYATAAN MASALAH

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dirancang oleh KPM (2013) bagi tahun 2013 hingga 2025 berhasrat merealisasikan harapan negara dalam mencapai keberhasilan sistem pendidikan dari segi akses kepada pendidikan; meningkatkan kualiti pendidikan dan mengoptimumkan kecekapan sistem pendidikan; serta merapatkan jurang pencapaian pelajar dan mengukuhkan

perpaduan dalam kalangan pelajar. Hal ini selari dengan matlamat Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2017), yang memfokuskan ‘*Sustainable Development Goals 2050*’ bertujuan untuk merealisasikan ‘*No Poverty*’, ‘*Zero Hunger*’, ‘*Quality Education*’, dan ‘*Sustainable Cities and Communities*’ di Malaysia seperti disarankan oleh *United Nations* (2012; 2014). Namun, Suseela & Nagappan (2016) menjelaskan, akses dan ekuiti berkait rapat antara satu sama lain dan amat penting dalam meningkatkan tahap pendidikan berkualiti Malaysia. Jomo (2017) menerangkan, akses dan ekuiti dalam pendidikan adalah platform yang dapat menghapuskan jurang dan membuka peluang kepada rakyat bagi mendapatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman melalui pendidikan sama rata. Oleh itu berdasarkan keadilan sosial, setiap anak Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi dan keperluan masing-masing.

Walau bagaimanapun, rencana-rencana akhbar tempatan Malaysia seperti Berita Harian (2019, Mac 21), Sinar Harian (2020, Disember 17), *Malay Mail* (2021, Disember 05), *New Straits Time* (2021, Disember 10) dan Berita Harian (2021, Disember 12) melaporkan, KPM masih berganding bahu bersama pihak sekolah untuk menyelesaikan isu keciciran pelajar sekolah. Berdasarkan Dewan Negeri Selangor (2020, Oktober, 30 - November 12), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) berfokus isu keciciran pelajar sekolah dan meneliti strategi ke arah keciciran sifar. Namun, kadar pelajar tercicir peringkat sekolah rendah dan menengah di negeri Selangor pada tahun 2019 adalah 1652 orang (0.18%). Jumlah pelajar tercicir peringkat sekolah rendah ke sekolah menengah melibatkan 328 orang (0.37%) dan jumlah pelajar tercicir dari Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat adalah 251 orang (0.32%) pada tahun 2019. Kadar pelajar tercicir di peringkat sekolah rendah dan menengah lain-lain kohort yang tidak melibatkan transisi pelajar dari Tahun Enam ke Tingkatan Satu dan dari Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat adalah 1073 orang (0.11%) pada tahun 2019. Jadi, isu keciciran pelajar mempersoalkan keberhasilan dan keberkesanan kualiti ingin dicapai oleh KPM dalam sistem pendidikan Malaysia apabila menjadi pengekang aspirasi pendidikan negara tercapai.

MySkills Foundation (2016) menyarankan, KPM harus menitikberatkan isu keciciran pelajar lelaki India di sekolah menengah sebagai ‘*an alarming figure*’ terhadap keseluruhan populasi penduduk India di Malaysia. *Tara Foundation* (2021) mendedahkan kebimbangan terhadap peningkatan kekerapan kes keciciran

pelajar India di Selangor. Berdasarkan statistik dan maklumat dibincangkan, mendapati keciciran pelajar India adalah isu harus dipandang serius dan amat penting untuk dikaji. Justeru, kajian ini bermotif untuk membangkitkan isu keciciran pelajar India di sekolah menengah dan mengetengahkan kesan-kesannya sebagai salah satu cabaran dan pembaziran sumber pendidikan dihadapi oleh sistem pendidikan Malaysia terkini.

SOROTAN KAJIAN

Santos, et al. (2020) menyatakan, golongan pelajar tercicir daripada sistem persekolahan berpotensi mempunyai tahap kemahiran dan ilmu pengetahuan rendah. Macedo, et al. (2020) menghuraikan, pelajar tercicir dari sistem persekolahan dan tidak menyambung pelajaran mereka di mana-mana institusi pembelajaran lain akan menghadapi kesan jangka panjang seperti kesukaran mendapatkan peluang pekerjaan terutamanya dalam bidang melibatkan kemahiran teknologi. Pelajar tercicir dari sekolah turut berpeluang memiliki kemahiran terhad untuk memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan dan bergantung kepada bantuan sara hidup atau permintaan tinggi terhadap kebajikan sosial dalam masyarakat (Chiara Mussida, et al. 2019). Golongan pelajar tercicir dari sistem persekolahan juga terpaksa berhadapan dengan kesusahan dan kesempitan hidup akibat tekanan ekonomi yang dihadapi. Hal ini akan menjelaskan keadaan sosio-ekonomi sesebuah keluarga dalam masyarakat dan mengancam suasana persekitaran sosial. Kekurangan golongan masyarakat berpengetahuan dan berkemahiran juga akan meninggalkan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, umpamanya dari segi kutipan cukai pendapatan (Wils, et al. 2019). Hal ini kerana, dasar pengecualian cukai diamalkan kepada golongan berpendapatan rendah akibat kekurangan kemahiran dan pendidikan. Jadi, kesan keciciran pelajar dalam bidang pendidikan berpotensi membawa kesan mendalam kepada pembangunan sesebuah negara dan perkembangan sosio-ekonomi keluarga dan masyarakat seperti ditekankan oleh Erwin (2018).

Kalegele (2020) menjelaskan, masalah keciciran pelajar dapat memberi kesan sosio-ekonomi kepada pelajar tercicir. Hal ini kerana, pelajar tercicir terpaksa bekerja di sektor pekerjaan berpendapatan rendah. Lantas menyebabkan tekanan hidup akibat peningkatan kos sara hidup. Buckman, et al. (2021) menekankan, tekanan hidup boleh menyebabkan masalah kesihatan fizikal, mental dan emosi.

Manakala, bagi mereka tercicir dan berumahtangga, komposisi ahli keluarga yang bertambah berpotensi menghadapi dua kali ganda cabaran dalam memenuhi keperluan rumah tangga apabila pendapatan isi rumah rendah boleh mempengaruhi perbelanjaan persekolahan anak dan mempunyai peluang tinggi terhadap isu keciciran anak-anak dalam keluarga seperti diterangkan oleh Singar & Zainuddin (2017).

Rumberger (2020) menegaskan, masalah keciciran pelajar dapat membawa kesan kepada kadar pengangguran tinggi dalam kalangan muda dalam sesebuah negara. Menurut Rumberger, isu keciciran pelajar dapat mewujudkan masyarakat dibelenggu kemiskinan akibat masalah pengangguran mahupun pendapatan rendah. Sade Bonilla (2020) mendebatkan, kewujudan masalah kemiskinan dapat meningkatkan kes-kes jenayah melibatkan golongan juvana. Isu keciciran pelajar juga berpotensi meningkatkan kadar gejala sosial dalam kalangan generasi muda dalam sesebuah negara. Lantas menyebabkan peningkatan jumlah penghuni penjara. Lansford, et al. (2016) menerangkan, peningkatan gejala sosial dan jenayah dalam masyarakat akan menyebabkan peningkatan perbelanjaan sesebuah negara terhadap pengurusan dan pengawasan isu-isu sosial. Jadi, isu keciciran pelajar berpotensi meningkatkan tanggungan kerajaan disebabkan oleh penurunan pendapatan sesebuah negara akibat pengecualian cukai terhadap golongan penganggur seperti ditegaskan oleh Tan, et al. (2019) dan Karacabey & Boyaci (2019).

Selain itu, isu keciciran pelajar dan masalah pengangguran dapat menyebabkan peningkatan kadar kemasukan warga asing sama ada dalam sektor profesional atau bukan profesional untuk meningkatkan produktiviti sesebuah negara (Dora, et al. 2021). Jadi, masalah pengangguran dan kemasukan warga asing dalam sesebuah negara dikategorikan sebagai pembaziran sumber pendidikan yang berlaku akibat isu keciciran pelajar (Dupere, et al. 2017). Hal ini mencerminkan sistem pendidikan yang tidak dapat membawa pulangan baik dan bermanfaat dalam negara berkenaan. Hester (2019) menjelaskan, isu keciciran pelajar meninggalkan kesan terhadap kekurangan pakar kemahiran dan golongan berpendidikan yang menyebabkan kekurangan sumber tenaga kerja berkualiti yang dapat menggerakkan pembangunan sesebuah negara. Hal ini berpotensi memberi kesan kepada keadaan pasaran buruh dan kemajuan sesebuah negara. Secara tidak langsung, kedudukan pasaran buruh tidak seimbang akibat kekurangan tenaga kerja berkemahiran boleh menjelaskan pencapaian mobiliti sosial seimbang dalam masyarakat dan aspek pertumbuhan ekonomi negara

seperti ditekankan oleh Berens, et al. (2018). Walau bagaimanapun, World Bank (2021) menjelaskan sumber tenaga kerja berkualiti adalah elemen terpenting dalam memastikan sesbuah negara dapat terus berdaya saing dan tahan dalam persekitaran mencabar untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan, kemampuan inovasi dan daya kreativiti, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi berlandaskan pengetahuan, serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Dalam konteks Malaysia, Jayasooria & Nathan (2016) menyatakan, isu keciciran pelajar sekolah terutamanya dalam kaum minoriti India dikenalpasti memberi kesan negatif mendalam apabila golongan tercicir didapati sentiasa bergantung kepada kebijakan dalam masyarakat. Pergantungan kepada kebijakan sosial menunjukkan, golongan tercicir dari sekolah berpotensi tidak memiliki pendapatan tetap dan tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup. Secara tidak langsung, ketinggalan masyarakat India dalam bidang pendidikan menyebabkan etnik tersebut menghadapi cabaran mencapai tahap keseimbangan purata pendapatan per kapita individu bersama-sama dengan kaum lain di Malaysia (Jayasooria & Nathan 2016). Maka, ketidakseimbangan purata pendapatan per kapita individu dalam kalangan kaum India secara keseluruhan turut didapati menyebabkan kekurangan pemilikan aset atau pegangan ekuiti dalam kalangan masyarakat India di Malaysia.

MIB (2017) menegaskan, isu keciciran pelajar India berpotensi meningkatkan isu pengangguran dalam masyarakat kepelbagaian etnik kelak. Selain pengangguran, cabaran sosial boleh dihadapi oleh golongan muda dalam komuniti India adalah salah satu petunjuk kepada kemiskinan. Maka, hal ini dapat meningkatkan pembentukan kumpulan masyarakat IB40 yang dapat mewujudkan golongan miskin berada di bawah paras kemiskinan, *Poverty Line Index* di Malaysia pada masa hadapan. Faktor-faktor kekurangan kemahiran, pengangguran dan taraf pendidikan rendah akibat isu keciciran dikenalpasti antara punca komuniti India menghadapi cabaran meningkatkan keupayaan dalam meningkatkan pendapatan. Oleh itu, isu keciciran pelajar didapati menggugat kedudukan stabil, kesejahteraan dan perkembangan masyarakat India secara keseluruhan dan dikenalpasti sebagai salah satu indikator kepada pencapaian ketidakseimbangan mobiliti sosial dalam masyarakat. Justeru, penjelasan kajian-kajian terdahulu membimbing kajian ini untuk meneliti kesan-kesan dihadapi oleh pelajar, institusi keluarga, masyarakat dan kerajaan Malaysia akibat isu keciciran pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan reka bentuk kajian, proses pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual mendalam secara langsung dengan sampel kajian. Melalui perbincangan tema, huraian deskriptif menerangkan situasi atau pengalaman sebenar dan menonjolkan bukti empirikal dalam setiap perspektif kehidupan responden seperti disarankan oleh Yin (2015). Data terperinci dan tepat yang dikumpulkan membimbing kajian ini untuk membawa penguraian naratif berdasarkan objektif kajian. Kajian ini dijalankan di negeri Selangor. Rasional pemilihan Selangor adalah berdasarkan *New Straits Times* (2017, Ogos 18) yang mendedahkan laporan KPM yang mengatakan, negeri Selangor menduduki tangga teratas dengan jumlah 76 buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) daripada 402 buah SMK yang terlibat dalam isu disiplin dan gejala penggunaan dadah iaitu dikenalpasti sebagai antara punca kepada masalah keciciran pelajar.

Kajian ini melibatkan 40 orang pelajar lelaki India yang tercicir dari sekolah menengah sebelum tamat sistem persekolahan di Selangor dan yang sedang menjalani proses peralihan melalui ‘*holistic approach*’ dan latihan kemahiran sebagai peluang kedua untuk belajar di *MySkills Foundation*. Temu bual dijalankan dalam Bahasa Tamil dan petikan temu bual kemudianya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu bagi penulisan tesis dan artikel jurnal. Kajian ini melibatkan pelajar lelaki sahaja disebabkan oleh maklumat daripada KPM (2018) yang mengatakan, terdapat bilangan pelajar lelaki memasuki kelas peralihan di sekolah menengah adalah lebih tinggi iaitu seramai 9,467 (67%) orang berbanding dengan pelajar perempuan seramai 4,575 (33%) pada tahun 2018 di Malaysia. KPM (2018) menyatakan, pada tahun 2018 bilangan pelajar lelaki yang memasuki Institusi Pengajian Tinggi adalah lebih rendah iaitu seramai 205, 067 (38%) orang berbanding dengan pelajar perempuan seramai 333, 488 (62%) orang. Justifikasi pemilihan pelajar lelaki India adalah disebabkan oleh maklumat daripada KPM (2018) yang mengatakan, majoriti pelajar lelaki yang memasuki kelas peralihan adalah pelajar lelaki India.

Bagi memantapkan lagi hasil dapatan dan perbincangan, kajian ini turut memfokuskan responden sokongan lain seperti Pegawai PDRM iaitu *Assitant Superintendent of Police* (ASP) dari Bahagian Siasatan Jenayah dan Perundungan, Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam yang pernah mengendalikan kes-kes jenayah juvana dan gejala sosial melibatkan pelajar-pelajar tercicir dari sekolah.

Responden sokongan lain termasuk seorang Pegawai Eksekutif dari *MySkills Foundation* Lembah Klang, lima orang Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dan lima orang Guru-guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar (PKHEM) di lima buah SMK di sekitar Selangor seperti SMK Kampung Jawa Klang, SMK Seri Andalas Klang, SMK Seri Selayang, SMK Bandar Baru Ampang dan SMK Taman Selayang Batu Caves.

Keseluruhan pemilihan responden adalah berdasarkan strategi pensampelan ‘*non-probability*’ dan ‘*purposive*’ untuk meningkatkan pemahaman pengalaman responden yang dipilih (Gibbs 2018; Glesne 2016). Kajian ini menggunakan instrumen iaitu, set soalan sesi temu bual mendalam berstruktur terbuka untuk mendapatkan perkongsian dan pendapat responden (Mohajan 2018). Maklum balas responden bersasar membolehkan kajian ini memperoleh data relevan bagi memenuhi keperluan kajian dan mengukuhkan serta meluaskan pengetahuan dalam memahami kesan-kesan isu keciciran pelajar sekolah. Dapatan kajian dibentangkan secara wajar dengan mengkategorikan dan mengatur data dalam jadual analisis dan ‘*quotes*’. Dengan menggunakan teknik triangulasi (Natow 2020), proses pengekodan (*coding*) data dibuat dalam mengenal pasti ‘tema’ untuk mentafsir dan memberi makna bagi pendedahan isu keciciran sekolah agar dapat dipersembahkan dalam penguraian naratif (Bryman 2016; Weber 2017). Kajian ini memastikan kesahihan data melalui pembinaan ‘kredibiliti dan kebolehpercayaan’ (Rezapour 2018). Contohnya, kesahihan data mempertimbangkan kandungan soalan dalam aspek persekitaran keluarga daripada pelbagai sudut seperti status ekonomi keluarga dan sikap ibu bapa terhadap aspek pembelajaran anak-anak. Analisis data dan hasil dapatan kajian dipertimbangkan sewajarnya untuk membawa perbincangan tema dan mendedahkan cabaran dihadapi oleh sistem pendidikan Malaysia.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil temu bual mendalam dengan responden membimbing kajian ini untuk menggariskan kesan-kesan dihadapi oleh pelajar dan meneliti kesan-kesan sosio-ekonomi dihadapi oleh institusi keluarga, masyarakat dan kerajaan Malaysia. Keterangan para responden membimbing kajian untuk menganalisis kesan daripada dua perspektif iaitu jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Kesan jangka masa pendek terdiri daripada kesan-kesan dihadapi oleh pelajar dan

keluarga pelajar manakala kesan jangka masa panjang terdiri daripada kesan-kesan dihadapi oleh masyarakat dan kerajaan Malaysia.

Kesan Terhadap Diri Pelajar

Kesemua 40 responden pelajar tercicir dari sistem persekolahan didapati menerima kesan-kesan kecinciran dalam jangka masa pendek yang mengakibatkan mereka kehilangan hala tuju kehidupan sehingga mereka menyertai *Myskills Foundation*. Kesan kecinciran pelajar menjadi tanda tanya terhadap kesejahteraan responden dalam persekitaran sosial. Kajian mendapati 12 orang responden terlibat dalam aktiviti melepak dan meronda bersama rakan-rakan tanpa sebarang hala tuju. Sementara itu, 10 orang responden didapati membuang masa di rumah sambil tidur dan menonton televisyen dan hal ini mengakibatkan gangguan mental dan emosi yang memudaratakan pemikiran pelajar serta tekanan kepada keluarga. Selain itu, 8 orang responden turut terpengaruh dengan tabiat merokok dan mengambil minuman beralkohol sambil terlibat dalam kegiatan gejala sosial sehingga menjelaskan penampilan diri. Penglibatan dalam gejala sosial adalah seperti gangsterism, samun, lumba haram dan vandalisme sehingga ditangkap oleh pihak polis dan memasuki lokap. Kajian mendapati 6 orang responden didapati membuat pekerjaan bergaji rendah sebelum mencapai umur 18 tahun dan 4 orang responden didapati aktif dalam aktiviti melepak dan meronda bersama rakan-rakan sambil terlibat dalam tabiat merokok dan mengambil minuman beralkohol. Hal ini menyebabkan responden menghadapi masalah hubungan keluarga renggang seperti tercatat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kesan kecinciran pelajar sekolah

Kesan-kesan dialami oleh responden pelajar	Bilangan responden
Melepak dan meronda bersama rakan-rakan tanpa sebarang hala tuju.	12
Membuang masa di rumah sambil tidur dan menonton televisyen tanpa bekerja sehingga mendapat tekanan keluarga dan gangguan mental.	10
Mempengaruhi tabiat merokok dan mengambil minuman beralkohol; terlibat dalam kegiatan gejala sosial: (gangsterism, samun, lumba haram, vandalisme) sehingga ditangkap polis dan memasuki lokap.	8
Membuat kerja yang bergaji rendah bagi perbelanjaan diri sebelum mencapai umur 18 tahun.	6

Melepak dan meronda bersama rakan-rakan; Mempengaruhi tabiat merokok dan mengambil minuman alkohol; hubungan keluarga didapati renggang tanpa bersama dengan ahli keluarga dalam aktiviti keluarga.

4

Sumber: Data analisis hasil kajian lapangan pengkaji

Menurut Hari yang ditemu bual di Kampus *MySkills* Lembah Klang menyatakan,

Saya ditangkap oleh polis sebab terlibat dalam pergaduhan gangsterism. Apabila rapat dengan rakan saya belajar untuk hisap rokok dan mengambil minuman alkohol... Semasa malam saya selalu pergi dengan rakan untuk melepak dan meronda. Hal ini membuatkan ibu bapa saya marah. Sebab itu saya tak rapat dengan keluarga saya. Saya mula rapat dengan rakan-rakan saya kerana mereka sudi mendengar masalah saya setiap hari. Hubungan saya dalam keluarga juga sudah putus sehingga saya tidur di rumah kawan dan abang saudara saya... Saya ikut abang saudara saya untuk bekerja di lori hantar barang ke kedai. (Responden 11, 2018, 23hb Mei)

Gina yang ditemu bual di Kampus *MySkills* Lembah Klang menyatakan,

Saya tidak tahu buat apa selepas keluar dari sekolah. Saya buang masa sahaja di rumah. Rasa kecewa apabila hubungan saya dengan keluarga saya sudah putus. Saya mengalami tekanan stress sehingga menunjukkan kemarahan saya terhadap keluarga saya. Saya selalu keluar dengan kawan dan suka minta duit daripada emak saya. Lepas tu emak saya rasa susah kerena selalu bagi duit untuk saya keluar. Saya rasa macam sudah beban... I dont want... So, saya keluar ikut kawan pergi cari kerja tapi tak dapat... tak habis SPM... umur tak cukup. Lepas itu buang masa kat rumah. Daily saya tengok TV dan ibu bapa saya marah kerana kos elektrik. Pembaziran wang mereka kata. Daily problem di rumah... stress. (Responden 13, 2018, 22hb Mei)

Eri yang ditemu bual di Kampus *MySkills* Tanjung Malim menyatakan bahawa,

Saya setelah tercicir dari sekolah suka keluar dengan rakan-rakan saya. Mereka suka datang ke rumah saya dan membawa saya ke tempat-tempat melepak di taman saya dan ada juga kami pergi ke meluangkan masa di

tempat hiburan seperti pub clubbing.... Orang-orang dewasa... abang-abang India kami kenal mereka akan membelikan kami minuman alcohol dan membantu untuk mendapatkan wang melalui duit kuttu... Saya menjadi kaki melepak sehingga balik lambat ke rumah. Ibu bapa saya selalu marah... kata tanggung perbelanjaan saya memang susah bagi mereka kerana saya selalu minta duit daripada keluarga. Saya tak buat apa-apa kerja... Selepas itu saya serious di rumah... Ibu bapa hantar saya ke pusat latihan ini. (Responden 33, 2018, 28hb Mei)

Ken yang ditemu bual di Kampus *MySkills* Tanjung Malim menyatakan bahawa,

Selepas keluar dari sekolah saya terpaksa bekerja untuk mendapatkan duit untuk saya dan keluarga saya bagi makan dan beli barang untuk masak dan membayar sewa rumah. Walaupun umur saya masih 15 tahun tetapi saya membuat kerja di carwash, kedai makanan dan internet cafe. Saya tahu saya tidak akan dapat kerja kilang sebab umur saya masih 15 tahun dan belum menjadi 18 tahun lagi. Tetapi saya tidak ada choice lain jadi saya membuat kerja yang saya dapat seperti pembantu kedai makanan, pembantu lorry driver, pencuci kereta, pembantu di guard house dan sebagainya. (Responden 19, 2018, 28hb Mei)

Kajian mendapati itu menghadapi masalah menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) sejak dari peringkat sekolah rendah lagi menyebabkan seseorang pelajar berisiko tinggi untuk tercicir dari sistem pendidikan di peringkat sekolah menengah. Kekurangan usaha dan bimbingan serius kepada pelajar terutamanya oleh institusi keluarga dan sekolah untuk mempertingkatkan dan memperkuuhkan aspek literasi dan numerasi dari peringkat awal sistem persekolahan menyebabkan seseorang pelajar tersebut tidak berupaya menguasai kemahiran asas 3M. Isu penguasaan kemahiran asas 3M menyebabkan pelajar kurang berprestasi, berkelayakan dan berpengalaman serta tidak seimbang dalam aspek pembelajaran dan pencapaian sekolah. Jadi, keadaan ini menyebabkan pelajar menghadapi halangan terhadap akses kepada pendidikan berkualiti dan berpotensi membawa masalah tingkah laku dan disiplin, isu digantung atau dibuang sekolah mahupun keciciran dari sekolah seperti ditekankan oleh DeBrey, et al., (2019). Antara kesan lain yang menarik perhatian kajian ini adalah sikap pelajar hilang tanggungjawab, ketinggalan dalam pelajaran dan penglibatan dalam gejala sosial. Hal ini membawa kepada peningkatan kadar jenayah dan pengangguran serta menggambarkan institusi pendidikan gagal dalam melahirkan sumber tenaga kerja berkemahiran mahupun insan berguna.

Kesan Terhadap Keluarga

Berdasarkan maklum balas responden pelajar, didapati isu keciciran pelajar sekolah meninggalkan kesan sosio-ekonomi terhadap keluarga responden. Kajian mendapati, penglibatan 14 orang responden dalam isu keciciran pelajar menyebabkan hubungan keluarga mereka renggang. Hal ini kerana, tekanan dihadapi oleh responden setelah tercicir dari sekolah mengakibatkan kewujudan perselisihan faham antara ahli keluarga dari segi bertentangan pendapat dan perbezaan taraf akademik. Lantas menyebabkan kewujudan tekanan dalam keluarga apabila responden pelajar mula mengasingkan diri dari keluarga mereka seperti dikongsikan oleh responden Raj. Pelajar juga didapati tidak mengambil bahagian dalam aktiviti keluarga seperti beriadah, makan bersama ahli keluarga, lawatan keluarga dan upacara keagamaan dalam keluarga seperti dikatakan oleh responden Sati. Oleh itu, isu tercicir dari sekolah menyebabkan situasi tidak sihat dan suasana tidak harmoni dalam keluarga. Seterusnya, kesejahteraan keluarga terjejas dan mengakibatkan gangguan mental dan emosi dalam kalangan responden pelajar seperti dikongsikan oleh responden Atis.

Isu tercicir dari sekolah turut menyebabkan responden menjadi beban atau tanggungan kepada ibu bapa mereka khususnya berpendapatan rendah. Aktiviti responden di rumah seperti tidur dan menonton televisyen sahaja memberi kerisauan kepada ibu bapa dalam memikirkan perbelanjaan bil elektrik dan tentang masa hadapan anak-anak mereka. Selain daripada tekanan keluarga, isu keciciran pelajar menyebabkan ibu bapa terpaksa menanggung segala kos perbelanjaan responden seperti dari segi masalah kesihatan akibat pengambilan minuman alkohol dan amalan merokok. Responden pelajar yang belum mencapai umur 18 tahun dan tidak memiliki sebarang pekerjaan akibat ketiadaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau sebarang sijil kemahiran disebabkan oleh isu keciciran juga didapati menjadi tanggungan kepada ibu bapa atau adik-beradik dalam keluarga. Kajian mendapati 14 orang responden sering bertengkar dengan ibu bapa atau adik-beradik dalam keluarga mereka untuk mendapatkan wang saku bagi tujuan meronda dan melepak bersama rakan-rakan seperti dikongsikan oleh responden Elen. Jadi, didapati isu tercicir dari sekolah meninggalkan kesan sosio-ekonomi terhadap keluarga responden terutamanya dalam aspek hubungan kekeluargaan dan tanggungan keluarga.

Kajian mendapati teori ‘*over-lapping spheres of influence*’ difokuskan oleh Raharja, et al. (2018) merupakan panduan boleh digunakan untuk memahami perhubungan antara sekolah dan keluarga dan kesannya ke atas pembelajaran seseorang pelajar. Berdasarkan maklum balas responden guru-guru dalam kajian, didapati pihak keluarga merupakan model utama kepada pembentukan sahsiah diri anak-anak bersekolah. Kajian juga mendapati keluarga dan sekolah merupakan dua tempat asas perlu memainkan peranan penting dalam mencorakkan watak dan keterampilan anak-anak agar mereka memiliki kebijaksanaan dan kekuatan diri dalam memilih percaturan hidup tanpa terlibat dalam isu keciciran sekolah.

Kesan Terhadap Masyarakat

Kajian mendapati penglibatan responden pelajar dalam isu keciciran menyebabkan terdapat golongan remaja terlibat dalam pekerjaan berpendapatan rendah sebelum memasuki *Myskills Foundation*. Terdapat responden terpaksa bekerja sebelum mencapai umur 18 tahun untuk menanggung kos sara hidup mereka seperti dikatakan oleh 6 orang responden. Hal ini mengakibatkan kewujudan aktiviti *child labour* dalam kalangan masyarakat Malaysia seperti dikongsikan oleh responden Tina.

Maklum balas daripada GBK, guru-guru PKHEM, Pegawai PDRM dan Pegawai Eksekutif *Myskills Foundation* membimbang kajian ini untuk memfokuskan kesan-kesan sosio-ekonomi dihadapi oleh masyarakat dalam jangka masa panjang. Menurut GBK, guru-guru PKHEM, Pegawai PDRM dan Pegawai Eksekutif *Myskills Foundation*, isu keciciran pelajar dapat menyebabkan masalah remaja berisiko mahupun pengangguran dalam kalangan golongan muda kelak. Ketiadaan sebarang sijil pengiktirafan akademik dan tahap kemahiran dapat menyukarkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan baik, pendapatan tetap dan menjadi sumber tenaga berguna dalam masyarakat. Hal ini dapat menyebabkan pelajar tercincir sekolah untuk terlibat dalam gejala-gejala sosial dan kes-kes jenayah dan juvana yang boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan sosial dalam jangka masa panjang seperti ditekankan oleh Fernandez, et al. (2016) dan Dei, et al. (2016). Hal ini terbukti apabila kajian ini mendapati keselamatan sosial terancam khususnya dalam kalangan komuniti kediaman disebabkan oleh penglibatan responden dalam aktiviti gangsterism, samun, lumba haram dan

Kesan Keciciran Pelajar Sekolah Menengah

vandelisme selepas tercicir dari sekolah seperti dikatakan oleh 8 orang responden termasuk responden Yesh, Vin dan Dev.

Richardson (2018) mendedahkan tahap pencapaian rendah berterusan dalam kalangan pelajar terutamanya dari segi perspektif etnik minoriti dapat mencerminkan sistem pendidikan mempunyai jurang dalam pencapaian akademik antara pelajar. Hal ini berpotensi mewujudkan diskriminasi dan mencerminkan jurang perbezaan etnik dan kaum berleluasa dalam sistem pendidikan apabila penyediaan peluang pendidikan yang sepatutnya sama rata tidak dapat menunjukkan hak pendidikan adil kepada pelajar terutamanya dari etnik minoriti seperti ditekankan oleh Islam, et al. (2017) dan Ravallion (2020). Oleh itu, bagi menangani ketidaksaksamaan ini, kerajaan sesebuah negara mempunyai kewajipan dalam memberikan peluang pendidikan adil dan saksama kepada pelajar minoriti sambil bertindak secara wajar untuk melindungi hak pendidikan mereka seperti disarankan oleh UNICEF (2017). Justeru, pelan tindakan dari segi dasar pendidikan komprehensif dalam konteks bersepada adalah penting untuk mengurangkan jurang perbezaan etnik dan kaum dalam sistem pendidikan agar dapat meningkatkan pencapaian akademik seimbang dan akses kepada pendidikan berkualiti lebih luas serta mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar sekolah.

Kesan Terhadap Kerajaan Malaysia

Menurut GBK, guru-guru PKHEM, Pegawai PDRM dan Pegawai Eksekutif *Myskills Foundation*, isu keciciran pelajar sekolah dapat meninggalkan kesan sosio-ekonomi terhadap kerajaan Malaysia dalam jangka masa panjang. Kajian mendapati kerajaan berpotensi mengalami kekurangan golongan remaja berwawasan terutamanya dalam komuniti India akibat isu keciciran pelajar. Perkara ini dapat menyebabkan ketiadaan pulangan pendidikan baik dari segi peningkatan sumber tenaga kerja berkualiti dan bersaing khususnya dalam kalangan kaum berminoriti untuk berperanan dalam struktur pembangunan negara secara kolektif bersama-sama dengan kaum-kaum lain di Malaysia kelak. Jadi, isu keciciran pelajar berpotensi menyebabkan ketidakseimbangan mobiliti sosial antara kaum mahupun individu seiring dengan perkembangan ekonomi.

Hasil temu bual dengan GBK, guru PKHEM, Pegawai PDRM dan Pegawai Eksekutif *MySkills Foundation* menegaskan, penglibatan pelajar dalam isu

keciran menjadi tanggungan kepada kerajaan Malaysia. Kajian mendapati, pelajar sekolah terlibat dalam masalah tabiat merokok, mengambil minuman alkohol dan penyalahgunaan dadah berpotensi memudaratkan kesihatan. Hal ini memunculkan golongan remaja tidak sihat dalam sistem pertumbuhan sesebuah komuniti selari dengan pergerakan Malaysia ke arah pencapaian kemajuan kelak. Pencapaian kemajuan Malaysia merujuk kepada kewujudan sumbangsan sumber tenaga kerja berkualiti terhadap pembangunan sosial dan masyarakat meliputi semua kaum. Namun, golongan remaja yang menghadapi masalah kesihatan melalui tabiat merokok, mengambil minuman alkohol dan penyalahgunaan dadah berpotensi menyebabkan kerajaan menghadapi kos penganjuran program kesedaran kesihatan di sekolah, kos pengendalian pesakit-pesakit muda dalam hospital dan termasuk kos pembinaan pusat serenti.

Golongan remaja tercicir dari sekolah didapati terlibat dalam gejala sosial seperti gangsterism, samun, lumba haram, vandalisme seperti dikatakan oleh 8 orang responden pelajar. Hal ini berpotensi meningkatkan tanggungan kepada kerajaan dalam meningkatkan pengawasan pihak polis terhadap aktiviti jenayah dan kes-kes juvana seperti dikatakan oleh Pegawai PDRM melalui hasil temu bual dalam kajian ini. Pengendalian aktiviti jenayah dan kes-kes juvana dalam kalangan pelajar tercicir sekolah menyebabkan kerajaan dalam pembinaan pusat pemeliharaan dan pemuliharaan golongan remaja berisiko. Kajian mendapati kemunculan masalah pengangguran akibat isu keciran pelajar dapat menyebabkan kemiskinan dalam kalangan anak-anak muda Malaysia akibat ketiadaan pendapatan tetap kelak. Akhirnya, kemiskinan dibelengui oleh golongan muda ini menyebabkan mereka terlibat dalam aktiviti gejala sosial dan jenayah seperti diterangkan oleh Pegawai PDRM. Penglibatan golongan muda dalam aktiviti gejala sosial dapat meningkatkan kadar kes jenayah seperti peningkatan gangsterism dan kemunculan kongsi gelap. Berdasarkan penerangan Pegawai PDRM dan Pegawai Eksekutif *Myskills Foundation*, kajian dapat menyimpulkan, peningkatan gejala sosial akan menyebabkan peningkatan perbelanjaan pengurusan banduan dan penjara oleh kerajaan. Hal ini memberi ruang kepada pembinaan balai polis dan peningkatan pengawasan PDRM terhadap pergerakan dan isu-isu sosial dalam negara. Perkara ini turut menjadi penghalang kepada usaha kerajaan untuk melahirkan golongan muda lebih berprogresif dalam pembangunan Malaysia bagi jangka masa panjang.

Menurut MIB (2017), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaporkan, jumlah pelajar India terlibat dalam isu jenayah meningkat kepada 50%. MIB (2017)

menyatakan, hasil serbuan PDRM terhadap kegiatan jenayah pada tahun 2014 menunjukkan pecahan nilai seramai 10% iaitu dari lingkungan umur antara 7 hingga 18 tahun yang terjebak dalam gejala sosial. Didapati institusi sekolah digunakan sebagai tempat untuk merekrut ahli kumpulan kongsi gelap terdiri daripada pelajar sekolah. Hal ini mempersoalkan masa hadapan pelajar dan peranan mereka sebagai generasi masa hadapan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Jadi, KPM harus lebih proaktif bagi memastikan isu keciciran pelajar tidak terus berlanjutan sehingga berlaku senario generasi keciciran (*lost generation*). Justeru, kesan-kesan keciciran pelajar adalah penting untuk diketengahkan dan perlu dipandang serius oleh semua pihak memandangkan remaja amat diperlukan oleh masyarakat dan negara sebagai pemangkin kepada pembangunan negara.

Perbincangan Tema

Hasil penelitian kesan-kesan isu keciciran pelajar melalui teknik triangulasi dan ‘coding’ membantu kajian mendedahkan kepentingan keberkesanan dan kualiti bidang pendidikan berdasarkan perbincangan tema seperti berikut.

a) Tema 1: Pelajar dan cabaran

Berdasarkan hasil temu bual mendalam bersama responden pelajar, didapati situasi menjadi rumit apabila sikap pelajar meninggalkan sistem persekolahan bercenderung membuat sebarang pekerjaan berpendapatan rendah. Hal ini menyebabkan pelajar tercicir sekolah menghadapi cabaran sosial dalam mendapatkan pekerjaan baik akibat faktor umur dan pengalaman seperti dikongsikan oleh 23 orang responden. Jadi, KPM harus bertanggungjawab mengambil langkah drastik untuk membuat perubahan dalam sistem pendidikan supaya dapat memupuk minat pelajar untuk terus bersama dengan sistem persekolahan ataupun terlibat dalam program pembelajaran alternatif lebih fokus kepada keperluan industri seperti ditekankan oleh Aarkrog, et al. (2018) dan CEDEFOP (2016).

World Bank (2020) melaporkan, Covid-19 memberikan kesan-kesan jangka panjang kepada sektor pendidikan apabila lebih ramai pelajar terlibat dalam isu keciciran. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) menyebabkan pelajar tertekan, sekali gus mengakibatkan mereka semakin hilang minat dan semangat untuk belajar (Berita Harian, 2021, Disember 12). Kehadiran

pelajar mengikuti PdPR tidak mencapai 80%, bukan hanya disebabkan keterbatasan prasarana digital dan akses komputer, bahkan menjangkaui kecekapan guru untuk mengendalikan sesi (Awani Columnist 2021 Oktober 8). Kesan keciciran pelajar dalam pendidikan amat besar kepada negara dan memberikan kekangan terutama bagi menyediakan lebih ramai sumber tenaga manusia berkualiti (Wang, et al. 2020; Wallace 2016). Justeru, kerajaan Malaysia perlu bersedia untuk memberi sokongan dan pelaburan kewangan sewajarnya demi memastikan negara tidak kehilangan upaya daya maju dan modal insan berkualiti pada masa hadapan.

b) Tema 2: Pembelajaran sosial dan perubahan pelajar

Kajian mendapati pekerjaan-pekerjaan dimiliki oleh ibu bapa, ibu tunggal dan penjaga responden memberi kesan dari segi '*cycle of poverty*' kepada generasi kedua iaitu anak-anak mereka dalam keluarga untuk meninggalkan sekolah akibat kesukaran dalam meneruskan sistem persekolahan seperti dikongsikan oleh 18 orang responden. Maka, berdasarkan prinsip hak asasi kemanusiaan, kerajaan Malaysia harus menegakkan keadilan sosial, kesamarataan dan nilai kesaksamaan dalam memberikan peluang pendidikan kepada semua kaum supaya hasil bidang tersebut tidak mewujudkan jurang sosial antara kaum malah menjadi mekanisme pembasmian kemiskinan. Hal ini dapat menjadikan golongan muda dalam setiap komuniti lebih stabil dari segi sumber kewangan dalam menyara keluarga dan memenuhi keperluan peribadi seperti ditekankan oleh OECD (2019). Kehidupan stabil dapat meyakinkan golongan muda untuk menjadi ibu bapa berupaya memberikan pendidikan terbaik kepada anak-anak mereka dalam keluarga kelak. Hal ini kerana, peningkatan taraf pendidikan dalam kalangan generasi kedua dapat mengurangkan kadar keciciran pelajar tanpa memberi tanggungan kepada kerajaan. Tanggungan kerajaan merujuk kepada pengendalian isu keciciran melalui peruntukan bajet besar dan pelan tindakan keciciran pelajar banyak apabila berhadapan dengan masalah pembaziran pendidikan dalam sistem persekolahan. Jadi, pembentukan modal insan berkualiti dan berjati diri meliputi semua kaum adalah penting bukan sahaja untuk mempertingkatkan kedudukan dan mobiliti sosial kaum, malah termasuk juga demi kesejahteraan masyarakat dan kestabilan negara pada masa hadapan.

Analisis kajian secara mendalam dari segi penerangan terperinci kesan-kesan keciciran dan perbincangan tema memberi motivasi kepada kajian untuk

membangkitkan isu keciciran pelajar sebagai salah satu cabaran dihadapi oleh sistem pendidikan terkini. Hal ini memberi dorongan untuk mendedahkan kepentingan keberkesan dan kualiti bidang pendidikan bagi mengelakan pembaziran sumber pendidikan di Malaysia.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian mencadangkan strategi memerangi isu keciciran pelajar di Malaysia. Pertama, budaya sekolah perlu mencerminkan transformasi ke arah lebih produktif dan mewujudkan pelajar berfikiran hadapan untuk meningkatkan keyakinan diri. Penyediaan struktur pembelajaran relevan dan bermakna adalah penting untuk memenuhi keperluan pelajar agar mereka lebih bercenderung dalam aspek pembelajaran sekolah. Berdasarkan konsep mendidik remaja dalam abad ke- 21, sistem pendidikan kita perlu menunjukkan perkembangan sistematik bagi menghadapi cabaran revolusi ekonomi dan industri dipacu oleh ledakan teknologi digital. Transformasi pendidikan selaras dengan interaktif digital dapat menjadi medium PdP berkesan dan menarik perhatian pelajar bagi pembelajaran lebih aktif dan bermakna. Perkembangan pengintegrasian teknologi dalam sesi PdP perlu membawa semangat dan suasana harmoni yang boleh memberi kecenderungan kepada pelajar untuk belajar dalam keadaan menggalakkan tanpa mewujudkan kebosanan PdP dan kes-kes ponteng pelajar. Kedua, berdasarkan situasi pandemik Covid-19 kini, pengendalian PdPR juga perlu memastikan anjakan baharu dari segi pelbagai platform pengajaran dalam talian seperti *Skype*, *Zoom*, *Google Classroom*, *Google Meet* dan *Microsoft Teams*. Selain menjamin kelestarian PdPR, pendekatan baharu ini berpotensi menjadi pemangkin perubahan dan memacu proses pendigitalan pendidikan serta menjamin kelangsungan pendidikan Malaysia.

Berbanding mewujudkan kelas peralihan bagi pelajar berpencapaian rendah dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PPSR) dan yang tiada minat dalam akademik sekolah, penghantaran pelajar ke institusi kemahiran teknikal dan vokasional adalah lebih baik. Penghantaran pelajar ke kursus TVET pada peringkat awal dapat menutup jurang pencapaian dan meningkatkan kualiti pembelajaran setiap pelajar. Penyediaan peluang mengikuti latihan atau program khas, bidang kesukuan atau latihan pertahanan oleh kerajaan dapat menjadi platform terbaik kepada pelajar berisiko. Hal ini dapat melahirkan golongan profesional dalam sesuatu bidang yang berpeluang memberi sumbangan kepada

masyarakat dan negara Malaysia kelak. Contohnya, kerajaan dapat melahirkan golongan pakar seperti atlit berwibawa dalam bidang sukan menerusi pusat akademi kesukanan dan pegawai-pegawai tentera dan polis penuh dedikasi menerusi pusat akademi pertahanan. Kemunculan golongan pakar juga termasuk pemandu-pemandu kenderaan milik kerajaan, pegawai keselamatan kepada menteri atau pegawai-pegawai kerajaan, dan anggota dalam kerja pembinaan dan penyelenggaraan infrastuktur kerajaan.

Jadi, bidang TVET, latihan atau program khas, bidang kesukanan atau latihan pertahanan harus menekankan '*transformation into skills*' supaya dapat mengelakkan pembaziran sumber tenaga yang berpeluang membawa kepada kerugian Malaysia dari segi produktiviti dan perkembangan masa hadapan Malaysia. Hal ini dapat meningkatkan kemunculan sumber tenaga kerja berkualiti, berpengetahuan luas, berdaya saing, lebih berdedikasi dan berdisiplin dalam kepelbagaiannya bidang selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2015), iaitu pelaburan terhadap sumber insan. Perkara ini dapat mengurangkan kos pengurusan sumber tenaga terdiri daripada warga asing dan isu peluang dan persaingan pekerjaan antara rakyat tempatan dan warga asing di Malaysia. Strategi ini juga dapat memerangi penularan kes-kes jenayah juvana yang boleh menggugat ketenteraman masyarakat. Peningkatan pembinaan sekolah berasrama penuh, pusat TVET atau latihan khas, pusat akademi kesukanan dan pusat akademi pertahanan adalah lebih baik dan bermanfaat kepada Malaysia berbanding menanggung kos penambahan pembinaan balai polis, kos pembinaan dan penyelenggaraan penjara, kos pengurusan banduan dan kos pembinaan pusat serenti. Kos tanggungan kerajaan termasuk juga kos peningkatan pembinaan pusat pemuliharaan dan pemeliharaan pelajar berisiko, kos pengawasan isu pengangguran serta gejala sosial dalam Malaysia diikuti kos pengendalian masalah pembaziran sumber pendidikan seperti isu keciciran pelajar. Justeru, pembelajaran TVET, penglibatan dalam latihan atau program khas, bidang kesukanan atau pertahanan oleh pelajar berisiko dan yang tiada minat dalam akademik sekolah dapat berperanan sebagai program alternatif untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran secara latihan industri sambil menjadi benteng kepada pelajar daripada tercincir dari sekolah.

Pemberian komitmen sepenuhnya terhadap keperluan pelajar dari segi pembentukan sahsiah dan jati diri adalah penting untuk kelestarian pembangunan pendidikan.

Kesan Keciciran Pelajar Sekolah Menengah

Remaja perlu diberi kesedaran dan dibimbing secara wajar bagi menangani cabaran bidang pendidikan dihadapi dalam kehidupan. Anjuran program melibatkan golongan remaja berisiko dapat berperanan dalam memastikan pengurangan penglibatan mereka dalam gejala sosial atau jenayah mahupun isu keciciran. Antara program dicadangkan adalah *outdoor activities* semasa musim cuti sekolah seperti mencantikkan harta benda awam bertemakan ‘*Say No To Vandalisme and No Smoking*’, lawatan ke penjara dan hospital bertemakan ‘*Say No To Social Crimes*’, dan aktiviti konvoi berbasikal bertemakan ‘*Say No To Illegal Races*’. Aktiviti ekspedisi mendaki gunung dan *explorace games* juga dapat membawa sikap gigih pelajar untuk menghadapi cabaran dan berani bersemuka dengan sebarang masalah dalam pembelajaran sekolah. Aktiviti-aktiviti mencabar berinisiatif untuk membina jati diri dan *will power* pelajar dapat berperanan mewujudkan ketahanan diri berbanding dengan penganjuran ceramah banyak di sekolah yang membosankan remaja kini.

Usaha ini bukan sahaja dapat berfungsi mewujudkan semangat ‘*Rising Together*’ untuk belajar malah dapat menjadi pedoman golongan remaja dibangku sekolah lagi. Selain bertindak rasional untuk meningkatkan kualiti hidup dengan bersikap menghindari gejala sosial, penyediaan persekitaran sosial sihat dan sejahtera serta harmoni bagi golongan remaja dapat mempertahankan hak mereka dalam menjadi insan berguna kepada keluarga, masyarakat dan Malaysia. Hal ini berpotensi mengurangkan masalah kesihatan mental, kes-kes pembunuhan diri, penyalahgunaan dadah, penglibatan dalam gangsterism dan masalah keciciran pelajar sekolah, malah mengekalkan kesejahteraan anak-anak muda untuk masa hadapan terjamin.

Kerjasama sekolah bersama pihak korporat, *non govermental organizations* (NGOs) dan kumpulan yayasan adalah penting untuk membantu pelajar terutamanya berasal dari latar belakang keluarga berpendapatan rendah dan menghadapi isu kewangan bagi meneruskan pembelajaran sekolah. Selain menjalankan aktiviti bermotifkan ‘*fun*’ atau beriadah sekali setahun bersama masyarakat tempatan dan pelajar sekolah melalui *Corporate Social Responsibility* (CSR), peranan dan sumbangan pihak korporat, NGOs dan kumpulan yayasan terhadap pembangunan sektor pendidikan di Malaysia penting untuk melahirkan generasi masa hadapan lebih berprogresif. Jadi, pemberian insentif akademik seperti biasiswa dan dana perbelanjaan sekolah kepada pelajar yang memiliki isu kemiskinan kekeluargaan melalui inisiatif ‘Pelajar Angkat’ oleh pihak korporat,

NGOs dan kumpulan yayasan dapat memastikan pelajar menentukan matlamat masa hadapan sambil mengeratkan hubungan bersama sekolah tanpa tercicir akibat isu kewangan. Hal ini dapat mencegah isu keciciran pelajar dan menjamin kelestarian, kualiti dan ekuiti pendidikan.

Pengaplikasian perlombongan data (*data - mining*) melibatkan penggunaan data berskala besar secara optimum dapat menjelaskan dan menginterpretasi faktor berhubung pencapaian akademik (Martínez & Chaparro 2017). Perlombongan data dapat meramal pencapaian pelajar di semua peringkat sekolah dari segi pencapaian gred akademik, penglibatan aktiviti kurikulum, rekod kehadiran, latar belakang pelajar dan prestasi mereka di sekolah. Selain sebagai sistem perancangan mengatur intervensi dan memantau prestasi pelajar, perlombongan data berpotensi mengumpulkan maklumat perlu difokuskan seperti kekuatan dan minat pelajar serta menghubungkan pelajar kepada program sokongan sekolah. Jadi, melalui perlombongan data, pelbagai isu pendidikan seperti kewujudan pelajar berisiko dan keciciran pelajar boleh diteroka dengan mengoptimalkan penggunaan rekod data sedia ada di sekolah (Bakhshinategh, et al., 2018). Jadi, sistem perlombongan data dapat memainkan peranan penting dalam pencegahan isu keciciran pelajar.

Kesimpulannya, jika dipandang dari semua perspektif seperti golongan pelajar, institusi sekolah dan keluarga serta masa hadapan negara, isu keciciran pelajar sekolah memerlukan tindakan serta-merta dan perhatian sewajarnya daripada pelbagai pihak untuk ditangani. Justeru, kesan-kesan isu keciciran harus dipertimbangkan dan dikaji dengan lebih teliti oleh kerajaan Malaysia supaya masa hadapan anak-anak muda dalam semua komuniti terjamin berdasarkan konsep ‘membina, mendidik dan memperkasa’. Maka, penggubalan dasar sistematik terhadap proses transformasi pendidikan harus dititikberatkan untuk membawa perubahan berkesan agar pendidikan berkualiti dapat menjadi pemangkin pembangunan lestari dalam kalangan anak-anak muda sambil mencegahkan isu keciciran pelajar sekolah. Jadi, sejajar dengan aspirasi pendidikan global disasarkan oleh Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO 2020) seperti *Sustainable Development Goals* (SDG 4), KPM harus menjamin ekuiti pendidikan melalui Anjakan Transformasi 1 yang mensasarkan pendidikan berkualiti dan inklusif kepada semua pelajar Malaysia.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penyelia yang memberi sokongan dan kepada semua peserta kajian atas kerjasama diberikan dalam menyempurnakan penyelidikan ini dengan sempurna dan jayanya. Penyelidik juga ‘acknowledge’ dan menghargai usaha para pengulas dan pasukan jurnal dalam memberi ulasan dan perhatian bagi menerbitkan artikel ilmiah ini.

RUJUKAN

- Aarkrog, V., B.Wahlgren, C. Larsen, H.K. Mariager-Anderson and S. Gottlieb. 2018. Decision-making processes among potential dropouts in vocational education and training and adult learning. *International Journal for Research in Vocational Education and Training*, 5(2): 112–129. DOI <https://doi.org/10.13152/IJRDET.5.2>
- Awani Columnist. 2021. *Minimising risks to the 'lost generation' the way forward*. Oktober 8. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/minimising-risks-lost-generation>. (Accessed on 19/12/2021).
- Bakhshinategh, B., R. Zaiane, S. Elatia and D. Ipperciel. 2018. Educational data mining applications and tasks: A survey of the last 10 years. *Education and Information Technologies*. 23(1): 537- 553. DOI 10.1007/s10639-017-9616-z.
- Berens, J., K. Schneider, S. Görtz, S. Oster and J. Burghoff. 2018. *Early detection of students at risk—predicting student dropouts using administrative student data and machine learning methods*. German: University of Wuppertal Publication.
- Berita Harian. 2021. Penyelesaian krisis pendidikan elak generasi keciciran. Disember 12. <https://www.bharian.com.my/rencana>. (Accessed on 19/01/2022).
- Berita Harian. 2019. *Pendidikan: Seramai 3311 Pelajar Tercicir Di Selangor*. Mac 21. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/03/543696/3311-pelajar-tercicir-di-selangor>. (Accessed on 11/03/2020).
- Bryman, A. 2016. *Social research methods*. England: Oxford University Press.
- Buckman, D. G., N.W. Hand and A. Johnson. 2021. Improving high school graduation through school climate. *NASSP Bulletin*, 105(1): 5-24. DOI org/10.1177/0192636521993212
- CEDEFOP. 2016. Leaving education early: Putting vocational education and training centre stage. V1. Investigating causes and extent. Luxembourg: Publications Office. *CEDEFOP Research Paper*, No 57. DOI: <http://dx.doi.org/10.2801/893>.
- Chiara Mussida, Dario Sciulli and Marcello Signorelli. 2019. Secondary school dropout & work outcomes - 10 developing countries. *Policy Modeling Journal* (41): 547- 567. DOI 10.1016/j.jpolmod.2018.06.005
- De Brey, C., L. Musu, McFarland, Wilkinson-Flicker, M. Diliberti, Zhang, and X. Wang. 2019. Status & Trends in the Education of Racial and Ethnic Groups 2018. NCES 2019-038. *National Center for Education Statistics*. DOI <http://nces.ed.gov/pubsearch/pubsinfo.asp?pubid=2019038>.

- Dei, J., J. Mazzuca and E. McIsaac. 2016. *Reconstructing dropout*. Ontario Canada: University of Toronto Press.
- Dewan Negeri Selangor. 2020, 30 Oktober- 12 November. *Mesyuarat Sesi Ketiga Penggal Ketiga: Isu Pendidikan Dewan Negeri Selangor Tahun 2020*. Shah Alam, Selangor: E-quans electronic question & answer of Selangor State Press.
- Dora, B., C. Elisa, L. Fabio, M. Sara, G. Laura, C. Andrea, and A. Fabio. 2021. School dropout intention and self-esteem in immigrant and native students living in poverty: The protective role of peer acceptance at school. *School Mental Health*, 13: 266 - 278. DOI <https://doi.org/10.1007/s12310-021-09410-4>.
- Dupere, V., E. Dion, K. Harkness, J. McCabe, É. Thouin, and S. Parent. 2017. Adaptation and validation of the Life Events and Difficulties Schedule for use with high school dropouts. *Journal of Research on Adolescence*, 27(3): 683-689. DOI 10.1111/jora.12296.
- Erwin, A. S. 2018. *Creating a strong school culture to prevent high school dropouts*. Portland: University of Portland Publication.
- Fernandez, A., J. Herrero, B. Pérez, J. Juarros-Basterretxea and J. Rodríguez-Díaz. 2016. Risk factors for school dropout in a sample of juvenile offenders. *Frontiers in psychology*, 7: 1993. DOI org/10.3389/fpsyg.2016.01993.
- Ghandi M., and R. Sivaperagasm. 2019. Implikasi status sosioekonomi keluarga dan persekitaran terhadap keciran murid India: Kajian kes di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33): 284-297. DOI 10.35631/IJEPC.4330022.
- Gibbs, G. R. 2018. *Analyzing qualitative data*. (Vol 6). United State: Sage Publication.
- Glesne, C. 2016. *Becoming qualitative researchers: An introduction*. One Lake Street, Upper Saddle River, New Jersey: Pearson. DOI <http://www.pearsoned.com>.
- Gubbels, J., C.Van der and M. Assink. 2019. Risk factors for school absenteeism and dropout: A meta-analytic review. *Youth & Adolescence Journal*, 48(9): 1637-1667. DOI 10.1007/s10964-019-01072-5.
- Hester, R. J. 2019. *Experiences of High School Dropouts in a Work Force Development Program*. Doctoral (PhD) dissertation, Walden University.
- Islam, R., A. Ghani, Z. Abidin and J. M. Rayaiappan. 2017. Impact on poverty and income inequality in Malaysia's economic growth. *Problems and Perspectives in Management*, 15(1): 55-62. DOI org/10.21511/ppm.15(1).2017.05.
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. 2017. *Malaysia: Sustainable development goals voluntary national review*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. 2015. *Rancangan Malaysia ke-11(2016-2020): Pertumbuhan berpaksikan rakyat*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Jayasooria, D., and K. S. Nathan. 2016. *Contemporary Malaysian Indians: History, issues, challenges & prospects*. Ethnic Studies Institute. Kuala Lumpur: National University of Malaysia.
- Jomo, K. S. 2017. The new economic policy and interethnic relations in Malaysia. In *Global minority rights*, pp. 239-266. England: Routledge.
- Kalegele, K. 2020. Enabling proactive management of school dropouts using neural network. *Journal of Software Engineering and Applications*, 13(10): 245. DOI 10.4236/jsea.2020.1310016.

- Karacabey, M., and & A. Boyaci. 2019. Individual and institutional factors contributing to school dropouts. *Kastamonu Egitim Dergisi*, 27(3): 1047-1057. DOI .org/10.24106/kefdergi.2540.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2018. *Quick facts 2018: Malaysian educational statistics*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2013. *Malaysia Education Blueprint 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lansford, J., A. Dodge, G. S. Pettit, and J. E. Bates. 2016. A public health perspective on school dropout and adult outcomes: A prospective study of risk and protective factors from age 5 to 27 years. *Journal of Adolescent Health*, 58(6): 652-658. DOI 10.1016/j.jadohealth.2016.01.014.
- Macedo, Nairz-Wirth, C. Araújo and J. Szalai. 2020. Drawing lessons from early school leavers in a social justice context: Introductory comments. *European Educational Research Journal*, 19(5): 387-397. DOI 10.1177/1474904120951658.
- Malaysian Indian Blueprint (MIB). 2017. *Representation and performance of Malaysian Indians*. Putrajaya: Secretariat of MIB of Prime Minister Department.
- Malay Mail. 2021. *Education Ministry: 21,316 students quit school during Covid-19 months of March 2020 to July 2021*. Disember 05. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/education>. (Accessed on 21/01/2022).
- Martínez Abad & A. Chaparro Caso López. 2017. Data-mining techniques in detecting factors linked to academic achievement. In *School Effectiveness and School Improvement*. DOI:10.1080/09243453.2016.1235591.
- Mohajan, H.K. 2018. Qualitative research methodology in social sciences and related subjects. *Economic Development Journal, Environment and People*, 7(1): 23-48. DOI .org/10.26458/jedep.v7i1.571.
- MySkills Foundation. 2016. *Annual report 2016: Transforming lives of high risk youths*. Kuala Lumpur: MySkills Foundation Publication.
- Natow, R. S. 2020. The use of triangulation in qualitative studies employing elite interviews. *Qualitative Research*, 20(2): 160-173. DOI 10.1177/14687941198307
- News Straits Time. 2021. 'Sharp rise in dropouts unless govt intervenes. Disember 10. www.nst.com.nation/2021/sharp-rise-dropout. (Accessed on 17/01/2022).
- New Straits Times. 2017. *Alarming List of 402 Malaysian Schools - Drug & Disciplinary Issues*. Ogos 18. <http://alarming-list-402-malaysian-schools-drug-disciplinary>. (Accessed on 13/11/2019).
- OECD. 2019. *Changing the Odds for Vulnerable Children: Building Opportunities and Resilience*. OECD Publishing, Paris. <https://dx.doi.org/10.1787/a2e89c-en>. (Accessed on 13/11/2020).
- Raharja, S., S. Suyata and S. Suardiman. 2018. The configurations of education in families, schools, and communities and the relationship with the quality of education at junior high schools in Bantul Regency. *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi dan Aplikasi*, 6(1): 1-14. DOI <http://journal.uny.ac.id/index.php/jppfa>.
- Ravallion, M. 2020. Ethnic inequality and poverty in Malaysia since May 1969. Part 1: Inequality. *World Development*, 134. DOI 10.1016/j.worlddev.2020.105040

- Rezapour Nasrabad, R. 2018. Criteria of validity and reliability in qualitative research. *Journal of Qualitative Research in Health Sciences*, 6(4): 493-499. DOI http://jqr1.kmu.ac.ir/article_91112.html.
- Richardson, J. 2018. Understanding the under-attainment of ethnic minority students in UK higher education: The known knowns and the known unknowns. In *Dismantling race in higher education* (pp. 87-102). Palgrave: Macmillan, Cham.
- Rumberger, R. W. 2020. The economics of high school dropouts. *The economics of education*, 149-158. DOI 10.1016/B978-0-12-815391-8.00012-4.
- Sade Bonilla. 2020. The dropout effects of career pathways: Evidence from California. United States. *Economics of Education Review* (75). DOI 10.1016/j.econedurev.2020.101972.
- Santos, A., C. Nada, E. Macedo and C. Araújo. 2020. What do young adults' educational experiences tell us about Early School Leaving processes? *European Educational Research Journal*, 19(5): 463-481. DOI 10.1177/1474904120946885.
- Science & Wellness Organization (SWO). 2019. *Report 2019: The Malaysian Indian community*. Kuala Lumpur: Science & Wellness Organization (PPM-013-05-16022012) Publication.
- Sinar Harian*. 2020. *NUTP yakin KPM berupaya atasi isu pelajar tercicir*. Disember 17. <https://www.sinarharian.com.my>. (Accessed on 11/03/2021).
- Singar, S. N., & A. Zainuddin. 2017. Exploring the school dropout factors among indigenous students in Melaka. *Journal of Administrative Science Special Edition, Socio-Economic Issue*, 14(3): 1-13. DOI <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/49177>
- Subra, Abdullah and K. Devi. 2019. Pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap keciciran pelajar India: Kajian kes di daerah Kuala Muda, Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9): 77-91. DOI 10.35631/IJMTSS.2900.
- Suseela & Nagappan. 2016. *Policy Discourses in Malaysian Education: A Nation in the Making*. Critical Studies in Asian Education. New York, NY: Routledge Publication.
- Tan, Zuraini, J. and M. Banu. 2019. Examining family & school factors as predictors of delinquency: A study - juvenile offenders, at-risk students, & low-risk students in Malaysia. *Asian Social Work & Policy Review*, 13(2): 146-158. DOI 10.1111/aswp.12165.
- Tara Foundation. 2021. *Mission 2030: Zero Dropouts*. Kuala Lumpur: <https://tara.org.my/mission-2030-zero-dropouts>. (Accessed on 11/02/2022).
- The Edge Malaysia*. 2021. *EduNation: Addressing issue of school dropouts*. December 22. <https://www.theedgemarkets.edu>- dropouts. (Accessed on 13/01/2022).
- UNESCO. 2020. *Covid-19 Educational Disruption and Response*. Paris: United Nations. <https://en.unesco.org/themes/education-emergencies/coronavirus-school-closures>. (Accessed on 12/01/2021).
- United Nations. 2012. *EFA global monitoring report 2012: Education for all, the quality imperative*. Paris: UNESCO. <https://unesdoc.org>. (Accessed on 21/01/2018).
- United Nations. 2014. *EFA global monitoring report 2013-2014: Strong foundations for teaching & learning – achieving quality for all*. Paris: UNESCO. <https://unesdoc.org>. (Accessed on 18/08/2020).

Kesan Keciciran Pelajar Sekolah Menengah

- UNICEF. 2017. Education participation and dropout prevention - Early warning systems for students at risk of dropping out. <https://www.unicef.org/reports/improving-education>. (Accessed on 13/11/2021).
- Wallace, C.M. 2016. *A high school dropout prevention program for at-risk students*. Minnesota: Walden University.
- Wang, G., Y. Zhang, Zhao, J. Zhang and Jiang. 2020. *Mitigate the effects of home confinement on children during the Covid-19 outbreak*. Lancet London, England. 395(10228): 945–947. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(20\)30547-X](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(20)30547-X). (Accessed on 15/01/2021).
- Weber, M. 2017. *Methodology of social sciences*. New York: Routledge.
- Wils, A., P. Sheehan and H. Shi. 2019. Better secondary schooling outcomes for adolescents in low-and middle-income countries: Projections of cost-effective approaches. *Journal of Adolescent Health*, 65(1): S25-S33. DOI 10.1016/j.jadohealth.2019.03.024.
- Wood, L., S. Kiperman, C. Esch, J. Leroux and S. Truscott. 2017. Predicting dropout using student-and school-level factors: An ecological perspective. *School Psychology Quarterly*, 32(1): 35. DOI 10.1037/spq0000152.
- World Bank. 2021. *Global Economic Prospects*. World Bank Group Flagship Report. Washington, DC: World Bank Publications, NW. Doi: 10.1596/978-4648-1665-9.
- World Bank. 2020. *The Covid-19 Pandemic: Shocks to Education and Policy Responses*. Washington, DC: World Bank. DOI <https://openknowledge.worldbank.org/handle/CC BY 3.0 IGO>. (Accessed on 12/01/2021).
- Yin, R. K. 2015. *Qualitative research from start to finish*. New York: Guilford.